

Panduan anda untuk mengundi dalam Pilihan Raya Umum 2020 dan referendum.



E231 08/20



Memahami perkara yang perlu dijangkakan dan cara untuk mengundi pada tahun 2020.

Pastikan anda mendaftar dan maklumat anda adalah terkini.

Untuk mengundi, anda perlu mendaftar. Anda mesti mendaftar jika anda berumur 18 tahun ke atas, warganegara New Zealand atau penduduk tetap, dan anda telah tinggal di New Zealand secara berterusan selama 12 bulan atau lebih pada suatu masa dalam hidup anda.



Daftar awal untuk mengundi dengan cepat dan mudah

Jika anda mendaftar selewat-lewatnya pada Ahad 13 September, anda akan mendapat pek EasyVote melalui pos kira-kira 2 minggu sebelum hari pilihan raya.

Pek EasyVote anda akan memberitahu anda tarikh anda boleh mengundi, dan individu yang anda boleh undi. Pek anda juga akan mengandungi kad EasyVote yang diperibadikan, untuk mengundi lebih cepat dan lebih mudah.

Anda boleh mendaftar selepas 13 September, termasuk pada hari pilihan raya, tetapi anda tidak akan menerima kad EasyVote. Anda juga perlu membuang undi khas yang mengambil masa lebih lama.



Daftar, semak atau kemas kini maklumat anda dalam talian

Sangat mudah untuk mendaftar, menyemak atau mengemas kini maklumat anda dalam talian dengan menggunakan lesen memandu New Zealand, pasport New Zealand atau identiti yang disahkan oleh RealMe. Pergi ke vote.nz

Anda juga boleh mendaftar di mana-mana tempat mengundi mulai 5 September atau meminta borang pendaftaran dengan salah satu cara berikut:

- Hubungi 0800 36 76 56
- Hantarkan nama dan alamat anda secara percuma ke 3676.



Mengundi awal

Pilihan Raya Umum 2020 dan referendum kini akan diadakan pada Sabtu 17 Oktober. Mengundi awal supaya anda menjimatkan masa dalam barisan — anda tidak perlu menunggu sehingga hari pilihan raya untuk mengundi.

Undian dibuka: 9.00 pagi pada Sabtu 3 Oktober

Undian ditutup: 7.00 malam pada hari mengundi, Sabtu 17 Oktober



Mengundi di kawasan tempatan sekiranya boleh

Lebih cepat dan lebih mudah untuk anda mengundi berhampiran dengan rumah. Anda boleh mengundi di mana-mana tempat mengundi di Aotearoa, tetapi anda mungkin perlu mengisi borang tambahan jika anda mengundi di luar kawasan pilihan raya anda.



Tarikh tempat mengundi dibuka dan cara mengetahui lokasi

Anda boleh mendaftar dan mengundi dalam pilihan raya umum dan referendum di mana-mana tempat mengundi dari Sabtu 3 Oktober hingga hari pilihan raya, Sabtu 17 Oktober.

Pada hari pilihan raya, Sabtu 17 Oktober, semua tempat mengundi akan dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam.

Maklumat tentang lokasi dan masa operasi untuk tempat mengundi tersedia di vote.nz atau dengan menghubungi **0800 36 76 56**.



Anda juga boleh mengundi dalam dua referendum

Pada pilihan raya umum tahun ini, anda juga boleh mengundi dalam dua referendum. Referendum adalah mengundi untuk sesuatu soalan.

Anda boleh memilih sama ada End of Life Choice Act 2019 akan berkuat kuasa, memberi individu yang mempunyai penyakit terminal pilihan untuk meminta kematian berbantu. Anda juga boleh mengundi untuk menjadikan penggunaan ganja secara rekreasi sebagai sah di sisi undang-undang.

Ketahui lebih lanjut tentang referendum di referendums.govt.nz



Cara untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pendaftaran dan mengundi

- Lawati vote.nz
- Hubungi **0800 36 76 56**
- Lawati [facebook.com/voteNZ](https://www.facebook.com/voteNZ)

Jika anda tahu maklumat ini akan membantu seseorang, sila berikan makluman.

Maklumat tentang pendaftaran dan mengundi juga boleh didapati dalam bahasa lain di vote.nz

Cara untuk mengundi

1 Bawa pen dan kad EasyVote anda

Anda boleh membawa pen anda sendiri untuk menandakan kertas undi anda. Jika anda terlupa, jangan bimbang, ada pen yang disediakan.

Bawa kad EasyVote bersama anda untuk mengundi lebih cepat. Anda masih boleh mengundi jika anda terlupa membawa kad anda atau tidak mempunyai kad.




2 Gunakan pensanitasi tangan yang disediakan

Sebelum anda mendapatkan kertas undi anda, gunakan pensanitasi tangan yang disediakan.



3 Ikut arahan

Pekerja pilihan raya di tempat mengundi anda akan menunjukkan kepada anda perkara yang harus dilakukan dan tempat yang perlu dituju. Mereka juga akan menguruskan barisan untuk memberi lebih banyak ruang kepada pengundi.



4 Mengundi dalam pilihan raya umum


Dalam pilihan raya umum, anda mempunyai dua undi — undi parti dan undi kawasan pilihan raya.

Undi parti anda

Undi parti sebahagian besarnya menentukan jumlah kerusi yang diperolehi setiap parti politik di Parlimen. Parti dengan bahagian undi parti yang lebih besar akan mendapat lebih banyak kerusi di Parlimen.

Anda boleh memilih daripada senarai parti politik yang sama, sama ada anda berada dalam daftar umum atau daftar Māori.

Di kertas undi anda, tandakan rait pada nama parti politik pilihan anda.





Undi kawasan pilihan raya anda

Undi kawasan pilihan raya anda adalah untuk memilih calon yang anda inginkan sebagai anggota Parlimen (MP) untuk kawasan yang anda tinggal. Calon dengan jumlah undi terbanyak di kawasan pilihan raya anda menjadi MP kawasan pilihan raya anda.

Jika anda berada dalam daftar Maori, anda akan mengundi calon yang bertanding dalam kawasan pilihan raya Maori. Jika anda berada dalam daftar umum, anda akan mengundi calon yang bertanding dalam kawasan pilihan raya umum.

Di kertas undi anda, tandakan rait pada nama calon yang paling anda inginkan untuk mewakili kawasan anda.



**Bahagian undi parti ini =
Bahagian kerusi yang sama di Parlimen**

5 Mengundi dalam referendum

Pada kertas undi anda untuk referendum, sila undi dengan menjawab soalan referendum. Letakkan tanda rait di sebelah 'Yes' (Ya) atau 'No' (Tidak).

Mengundi dalam referendum adalah pilihan. Anda juga boleh memilih untuk mengundi hanya dalam satu referendum jika anda mahu.



6 Letakkan kertas undi anda dalam peti undi yang disediakan

7 Gunakan pensanitasi tangan sebelum anda pergi

Semasa anda keluar, gunakan pensanitasi tangan yang disediakan. Itu sahaja — pengundian selesai!



Tidak dapat pergi ke tempat mengundi?

Jika untuk pergi ke tempat mengundi adalah sukar atau tidak mungkin, beberapa pilihan tersedia untuk memastikan anda masih boleh mengundi. Jika anda berada di rumah penjagaan dan anda tidak dapat pergi ke tempat mengundi, Pegawai Pilihan Raya tempatan anda akan menghubungi pengurus rumah penjagaan anda untuk mengaturkan perkhidmatan mengundi. Jika anda tidak dapat pergi ke tempat mengundi kerana anda berada di hospital, mulai 3 Oktober, rakan atau ahli keluarga boleh membawa kertas undi kepada anda.

Jika anda tidak dapat pergi ke tempat mengundi kerana kurang sihat atau sukar untuk bergerak, anda boleh mendapatkan bantuan untuk mengundi. Ketahui lebih lanjut di [vote.nz](https://www.vote.nz) atau hubungi **0800 36 76 56** untuk membincangkan pilihan anda.

Mengundi dari luar negara

Anda boleh mendaftar dan mengundi dari luar negara bermula Rabu 30 September hingga 7.00 malam, Sabtu 17 Oktober (waktu NZ).

Cara paling mudah dan paling cepat untuk mengundi dari luar negara adalah dengan memuat turun dan mencetak kertas undi anda untuk pilihan raya umum dan referendum di [vote.nz](https://www.vote.nz)

Anda juga boleh mengundi di tempat mengundi di luar negara, atau meminta kertas mengundi secara pos anda dihantar kepada anda di luar negara. Pilihan ini mungkin bergantung pada keadaan COVID-19 di kawasan anda. Semak [vote.nz](https://www.vote.nz) untuk maklumat terkini tentang mengundi dari luar negara.

Jika anda memerlukan bantuan untuk mengundi dari luar negara, sila hubungi kami.

Telefon dari luar negara: +64 9 909 4182 (tertakluk kepada kadar panggilan antarabangsa)

Telefon dari New Zealand: 0800 36 76 56

Perlukan bantuan untuk membaca atau menandakan kertas undi anda?

Rakan, ahli keluarga atau pegawai pilihan raya boleh membantu anda membaca atau menandakan kertas undi anda. Individu tersebut boleh:

- pergi ke belakang skrin mengundi bersama anda
 - membaca perkataan dan maklumat pada kertas undi
 - menandakan kertas undi untuk anda jika anda memintanya.
- Mereka tidak boleh memberitahu anda calon yang harus anda pilih dalam pilihan raya umum, atau cara undi anda mengundi dalam referendum. Jika anda buta, separa buta atau mempunyai kecacatan fizikal yang bermakna anda tidak boleh menandakan kertas undi anda tanpa bantuan, anda boleh mengundi menggunakan perkhidmatan rencana telefon. Anda perlu mendaftar untuk menggunakan perkhidmatan ini. Hubungi **0800 028 028** dan pilih pilihan 1 untuk mendaftar. Anda boleh mendaftar dari Isnin 14 September hingga 7:00 malam Khamis 15 Oktober. Lawati [vote.nz](https://www.vote.nz) untuk mengetahui lebih lanjut tentang perkhidmatan ini.